

# Warna-Warni JOHOR

## PELANCONGAN MERSING, JOHOR

### Terokai syurga hidupan laut

Taman Laut Johor himpun 13 pulau indah

NOR ATIEYAH YUSOFF

**N**ama Taman Laut Johor bukan asing lagi dalam kalangan pengunjung luar dan tempatan. Terdiri daripada perairan di sekitar 13 pulau termasuk Pulau Harimau, Pulau Mensirip, Pulau Goal, Pulau Besar, Pulau Tengah Pulau Hujung, Pulau Rawa, Pulau Tinggi, Pulau Mentinggi, Pulau Sibul, Pulau Sibul Hujung, Pulau Pemanggil dan Pulau Aur, Taman Laut ini pastinya membuat perasaan pengunjung yang datang.

Himpunan pulau ini yang terletak di timur laut pantai di negeri ini terletak di antara 8 ke 35 batu nautika dari Mersing. Gugusan pulau dan perairan sekitarnya digazet sebagai Taman Laut dalam tahun 1994 di bawah Akta Perikanan 1985 (Pindaan 1993).

Topografi pulau-pulau ini dicirikan pinggiran pantai yang sempit, meninggi ke rabung dan tubir berbatu. Ketinggian bukit-bukit ini boleh dianggarkan menjangkau sehingga ke 600 meter di Pulau Tinggi. Pinggiran pantai terdiri daripada pantai pasir halus yang dipenuhi dengan lapisan

batu dan pantai lanar yang berpunca dari laut. Sebahagian besar pedalaman pulau dipenuhi hutan, dengan pokok buah-buahan dan kelapa memenuhi sekeliling kampung dan rumah-rumah rehat.

Hampir semua gugusan pulau di Taman Laut Johor mempunyai pantai yang selamat dan cantik untuk aktiviti di tepi pantai. Antara aktiviti lain yang boleh dilakukan di sini termasuklah mendaki bukit, melihat burung, meluncur, berkarayak, menyelam dan pelbagai aktiviti air yang boleh dilakukan.

Pulau-pulau ini didominasi oleh batu granit yang tidak berbeza atau dilapisi bahan enapan Permian yang terdiri daripada phyllite, batu loh dan batu shal atau batu pasir yang tidak penting. Julat saiz batu-batu granit ini adalah dari sebesar bongkah hinggalah ke batu buntar yang bersaiz kecil akibat dari pendedahan kepada ombak dan cuaca secara berterusan secara lulu hawa.

#### Keunikan

Keunikan Taman Laut ini pastinya pada iklim gugusan pada pulau yang panas dan lembab sepanjang tahun dengan suhunya jarang jatuh di bawah 20°C walaupun pada waktu malam dan biasanya mencecah 30°C atau lebih pada waktu siang. Kelembapan secara umumnya adalah sekitar 90 peratus. Manakala musim-monsunnya adalah antara bulan November dan Mac.

Pada waktu ini, hujan lebat dan lautan di



sekeliling bergelora, sehinggakan gugusan pulau ini sukar dihubungi dengan bot. Aktiviti ekonomi utama di pulau ini adalah pelancongan dan menangkap ikan. Pembangunan pelancongan sebahagian besarnya bertumpu di Pulau Besar, Pulau Sibul, Pulau Tinggi, Pulau Pemanggil dan Pulau Aur. Pulau-pulau ini berkepadatan jarang, dengan dihuni oleh lebih kurang 370 keluarga.

#### Tarikan Pulau Pemanggil

Kemudahan bilik mandi dan tandas, meja untuk berkelah dan tempat barbeku disediakan di beberapa kawasan tertentu. Jeti di pusat pelancong membolehkan bot untuk ke pantai. Pihak pengurusan taman telah menyediakan boya penambat di atas batu karang untuk bot snorkel dan selam. Pelawat boleh membeli barangan seperti makanan dan minuman di kedai di kawasan kampung. Untuk menyewa peralatan



menyelam dan mengisi tangki selam, pelawat boleh membuat pertanyaan di kedai selam yang berkenaan.

Jika berkunjung ke Pulau Pemanggil misalnya, terdapat beberapa perkara yang dibenarkan dan dilarang kepada pengunjung dan pelawat yang datang ke pulau ini. Aktiviti yang dibenarkan ialah selam scuba, snorkel, fotografi dasar laut, berenang, belayar atau berkayak serta mendaki bukit dan merentas hutan sambil melihat keindahan alam semula jadi.

Aktiviti yang dilarang kepada pengunjung ialah menangkap atau membunuh ikan dari jarak dua batu nautika dari pantai. Anda tidak boleh menggunakan serampang ikan untuk menangkap ikan kerana ia agak berbahaya kepada pengunjung yang melakukan aktiviti menyelam di situ. Pengunjung juga sama sekali tidak boleh mengutip karang, cengkeram dan organisma laut yang banyak terdampar di pesisiran pantai sama ada hidup atau yang mati. Malah mengutip pasir dan batu-batu, memijak atau mematahkan karang tidak dibenarkan. Terdapat banyak pantang larang semasa tinggal di sini seperti melabuh sauh di atas terumbu karang, mencemar dan buang sampah, memberi makan ikan serta membina sebarang struktur di atas air kerana ia boleh merosakkan struktur semula jadi pantai.

Pulau Pemanggil mempunyai beberapa lokasi yang baik untuk berkelah dengan pantai yang putih bersih dan air yang cetek untuk berenang. Dengan cara menaiki bot sahaja dapat mengelilingi pulau ini dan menikmati pemandangan yang indah serta melihat gua dari rekahan batu-batuan semula jadi di laut.



Gerai-gerai makan turut disediakan.



Kehindahan pantai Pulau Pemanggil.